

Kegagalan memahami k-ekon

BH - 9 FEB 2000

Oleh Wan Sabariah Shikh Ali

LANGKAH mengadakan Kongres Profesional Muda Melayu (KPMM) oleh Persatuan Pelajar Lulusan MRSM yang akan membincangkan mengenai ekonomi berasaskan pengetahuan (K-ekonomi) bukan hanya tepat pada masanya, malah sepatutnya diadakan lebih awal.

Seperti label dan slogan lain, k-ekonomi, awalnya digunakan oleh ahli perniagaan dalam sektor teknologi maklumat (IT), disalin dan diulangi oleh media massa (yang sebahagian pengamalannya tidakpun memahami ertinya) dan kemudian menjadi kata lazim.

K-ekonomi membawa maksud kegiatan ekonomi yang bersandarkan kepada teknologi (dan pengetahuan yang menjadi asasnya). Ahli ekonomi menyarankan ada dua jenis industri pengetahuan iaitu industri yang menjadikan ilmu sebagai produknya, dan kedua, industri yang mengurus atau menyampaikan maklumat.

Dalam kategori pertama, kata pensyarah Universiti Utara Malaysia, Prof Dr Mohammad Alias, termasuklah industri seperti perisian, bioteknologi dan perkakasan teknologi maklumat.

Analisis

Pekerja pengetahuan dalam industri ini termasuk jurutera, ahli sains, pengatur cara dan pereka bentuk dengan hasil penyelidikan sebagai output utama mereka.

Jarak di antara mereka yang memahami dan menjadi pengamal k-ekonomi dengan kita anggota masyarakat biasa amat ketara apabila membaca mengenai kegagalan platform internet terkemuka, Yahoo, kelmarin.

Kegagalan fungsi selama kira-kira dua jam 45 minit platform laman web yang popular itu mengakibatkan kerugian yang dianggarkan AS\$500,000 (RM1.9 juta) bagi Yahoo Inc, sebuah syarikat senaraian Nasdaq di Amerika Syarikat.

Kerugian itu adalah disebabkan kehilangan pendapatan daripada pengiklanan dan perdagangan.

Tetapi bagi Yahoo, yang menjadi platform pengendali kepada kira-kira 465 juta laman

web setiap hari, jumlah RM1.9 juta amat kecil berbanding saiz pemodal pasaran dan unjuran keuntungannya.

Ketika kita masih terkial-kial mencari takrifan yang boleh difahami oleh masyarakat banyak dan pengamal perindustrian konvensional, peneraju teknologi maya dan pengetahuan baru sudahpun mengaut manfaat.

Di Amerika Syarikat, sudah ada syarikat keselamatan yang menawarkan perkhidmatan mengawasi keselamatan alam maya Internet. Oleh kerana beroperasi di dunia maya (virtual), mereka juga bersifat universal, perkhidmatan ini boleh ditawarkan kepada mana-mana lokasi di dunia maya.

Negara maju yang menjadi hos kepada Lembah Silikon itu juga mempunyai penjejak pasaran dan syarikat teknologi di Nasdaq yang pakar dalam bidang masing-masing.

Apabila berlaku kejadian seperti yang menimpa Yahoo, iaitu berpunca dari serangan penceroboh yang membanjirkan Yahoo dengan maklumat pada tahap satu *gigabyte* sesaat (jumlah data yang diterima oleh kebanyakan laman

omi rugikan negara

dalam setahun), penganalisis pasaran modal yang mengkhusus kepada syarikat teknologi dan senaraian di Nasdaq, mempunyai kepakaran untuk terus memberikan ulasan yang bermaklumat kepada pelabur.

Hasilnya, kegagalan fungsi itu tidak memberi kesan yang besar kepada kaunter Yahoo Inc di Nasdaq, malah harganya ditutup pada AS\$354, naik 50 sen. Jika perkara serupa berlaku di Malaysia, khabar angin mengenainya sahaja akan menyebabkan pelabur menyerbu broker mereka untuk melepaskan pegangan, seterusnya menekan turun harga.

Pada masa ini, Malaysia boleh berbangga dengan BizTone.Com, syarikat IT tempatan yang menghasilkan perisian perakuan bertaraf dunia. Tetapi untuk bersaing dalam k-ekonomi, lebih hanya satu cerita kejayaan diperlukan.

Pada jarak teknologi dan pengetahuan di antara negara maju dengan negara membangun sekarang dalam pertumbuhan K-ekonomi, garis pemisah yang memang sedia wujud tidak mungkin dapat dirapatkan.

Ekonomi kaya dan maju yang sudah berada lebih depan dalam industri dunia siber akan terus berada di depan, dan jika kita tidak berusaha mengejanya, jarak itu akan semakin membesar.

Antara masalah untuk membangunkan k-ekonomi yang mapan di Malaysia ialah ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad begitu berfikiran jauh dalam mewujudkan Koridor Raya Multimedia, kelompok profesional yang diharapkannya membawa obor negara ke dunia siber, masih merangkak-rangkak.

Pada akhirnya, kegagalan kita sebagai individu memahami dan seterusnya menyertai k-ekonomi akan merugikan negara secara keseluruhan. Malah sebagai pengguna kita akan turut ketinggalan dalam mendapatkan perkhidmatan dan barangan yang ditawarkan menerusi platform e-dagang atau Internet.

Sebagai sebuah ekonomi pula, Malaysia akan kerugian apabila perkhidmatan dan barangan yang ditawarkan menerusi platform tradisional tidak lagi mendapat tempat.